

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PROGRAM USRAH DI SMKA(P) AL-MASHOOR

Mohd Ismail Mustari & Salini Binti Mohd Salleh
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian berbentuk diskriptif ini dibuat bertujuan untuk mengkaji keberkesanan usrah dalam membentuk peribadi pelajar yang dijalankan di salah sebuah sekolah SMKA (P) Al-Mashoor, Pulau Pinang. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik. Terdapat 60 item soalan dalam set soal selidik berkenaan yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A berkaitan dengan latar belakang responden manakala Bahagian B pula digunakan untuk menghasilkan dapatan kajian. Responden kajian terdiri daripada 111 orang pelajar iaitu keseluruhan populasi pelajar tingkatan 4 di sekolah tersebut. Data soal selidik dianalisis dengan menggunakan Statistical Package of Social Science (SPSS) For Windows version 14.0 dalam bentuk kekerapan, peratus dan min untuk menunjukkan responden berminat dengan program usrah. Ini terbukti melalui perolehan skor min antara sederhana hingga tinggi iaitu antara 3.10 hingga 4.41. Kajian rintis mencatatkan nilai kebolehpercayaan sebanyak $\alpha = 0.924$. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden memberikan persepsi yang positif terhadap aktiviti usrah yang dijalankan serta memberi maklum balas yang baik terhadap keberkesanan aktiviti usrah. Beberapa cadangan telah diutarakan agar program usrah ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Abstract: The purpose of the research is to study the effectiveness of usrah activity can generate the student's personality at SMKA (P) Al-Mashoor, Penang. This research is using questionnaire method. It contains of 60 questions and divided into 2 sections. Section A is related to respondent's background. Section B is used to generate the result. The research response is consist of the entire of form 4 students in that school which is 111 students. The data is analysed using Statistical Package of Social Science (SPSS) For Windows version 14.0. Data from the questionnaires were analysed in terms of frequency, percentage and min. The pilot study record that the reliability value is 0.924. Based on the min between 3.10 to 4.41, it was found that response favoured the usrah activity. Overallly, the result showing most of response are giving the positive perception for usrah activity. There are also give the good respond for the effectiveness of this activity. A few suggestions are given in order to make sure this program able to execute successfully.

Katakunci: SMKA (P) Al-Mashoor, usrah

Pengenalan

Golongan pelajar hendaklah diisi dan diberikan pendedahan mengenai Islam dengan sejelas-jelasnya dan disepadukan dengan penghayatan yang dituntut oleh Islam. Jika dibiarkan dengan tidak diorientasikan dan ditarbiyyah dengan Islam, maka kelak mereka akan menerima dan terpengaruh dengan sistem yang palsu serta sesat. Akhirnya, membawa kelumpuhan dan ketandusan kepada para penggerak Islam itu sendiri. Oleh itu, program dan kegiatan Islam untuk generasi pelajar perlu disusun dan dilaksanakan segera terutamanya di sekolah-sekolah memandangkan institusi ini agak sesuai dan mudah untuk menggerakkan dan mengumpulkan pelajar-pelajar.

Program *Usrah* Pelajar adalah satu bentuk kegiatan dan pengisian yang paling mustahak diwujudkan serta digerakkan di sekolah. *Usrah* dapat ditakrifkan sebagai mekanisma untuk meningkatkan individu secara terancang dan bertahap berdasarkan matlamat-matlamat tertentu. *Usrah* merupakan suatu usaha untuk

menyelesaikan masalah ummat secara praktik dan sunnah. Permasalahan ummat termasuklah keadaan ummat dari segi *siasah* dan *fikrahnya*.

Pernyataan Masalah

Kemestian menghadiri aktiviti *usrah* menyebabkan wujudnya pelbagai persepsi di kalangan pelajar. Ada di kalangan pelajar yang berminat dengan program *usrah* dan ada juga di kalangan mereka yang kurang berminat dengan program *usrah*. Kita dapat menilai sama ada pelajar itu berminat atau sebaliknya. Pelajar yang berminat dengan *usrah* dapat dilihat berasaskan reaksi mereka. Pelajar yang berminat dengan *usrah* mencatat ilmu-ilmu yang dibincangkan. Di samping itu, mereka berani dalam memberikan idea dan pandangan. Pelajar yang tidak menunjukkan minat pula, mereka langsung tidak mencatat ilmu yang dibincangkan. Mereka juga tidak memberi sebarang idea dan pandangan. Sebaliknya, mereka berbual-bual dan ada yang membuat kerja lain seperti kerja rumah semasa program dijalankan.

Ekoran daripada permasalahan yang dibincangkan, satu kajian dilakukan ke atas pelajar tingkatan 4 SMKA (P) Al-Mashoor terhadap peranan *usrah* dalam membentuk peribadi pelajar. Persepsi pelajar ini boleh membantu untuk mengesan sebarang kekuatan atau kelemahan program *usrah* dalam meningkatkan disiplin pelajar bagi SMKA (P) Al-Mashoor dan sekaligus membantu dalam usaha melahirkan generasi pelajar yang berdisiplin menurut acuan al-Quran dan as-Sunnah.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif berikut:

- a) Mengetahui persepsi pelajar terhadap program *usrah* yang dilaksanakan di SMKA (P) Al-Mashoor.
- b) Mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan pelajar cenderung atau tidak cenderung kepada program *usrah*.
- c) Mengkaji pendekatan yang lebih efektif dalam pelaksanaan aktiviti *usrah* agar program ini benar-benar dapat mencapai matlamatnya.

Kepentingan Kajian

Kajian ini tertumpu dalam lingkungan pelajar tingkatan 4 SMKA (P) Al-Mashoor sahaja. Kajian ini dijalankan agar dapat mengenalpasti persepsi pelajar terhadap aktiviti *usrah* serta faktor-faktor pelajar mempunyai persepsi sedemikian. Hal ini amat penting dalam membantu pihak pentadbir SMKA (P) Al-Mashoor untuk membentuk peribadi pelajar yang mulia melalui aktiviti ko-kurikulum seperti *usrah*. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh:

- a) Para *naqibah* dalam mengendalikan program *usrah*.
- b) Pihak pentadbir SMKA (P) Al-Mashoor dalam memperbaiki mutu program *usrah* dalam rangka meningkatkan peribadi pelajarpelajarnya serta keseluruhan pelajar secara umumnya
- c) Badan Agama, Dakwah, Akhlak dan Rohani, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Batasan dan Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di SMKA (P) Al-Mashoor, Pulau Pinang. Sekolah tersebut mempunyai bilangan pelajar seramai 545 orang pelajar. Kajian ini hanya terbatas kepada keseluruhan pelajar tingkatan 4 SMKA (P) Al-Mashoor iaitu seramai 111 orang.

Skop kajian ini menumpukan kepada tiga aspek iaitu persepsi pelajar terhadap aktiviti *usrah*, faktor-faktor yang menyebabkan pelajar cenderung atau tidak cenderung kepada program *usrah* dan pendekatan yang lebih efektif dalam pelaksanaan aktiviti *usrah* agar program ini benar-benar dapat mencapai matlamatnya.

Penyelidik membuat kajian ini untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap program *usrah* di SMKA (P) Al-Mashoor. Hal ini disebabkan program *usrah* merupakan program rutin yang berbentuk kerohanian yang dijalankan ke atas pelajar SMKA (P) Al-Mashoor. Oleh itu, sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kelemahan, ia dapat memberi serba sedikit kesan terhadap peribadi pelajar.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Mohammad Najib Abdul Ghafar (2003:81), populasi ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama. Wakil atau contoh am populasi ialah sampel. Menurut beliau lagi, ahli sampel yang memberikan maklum balas dinamakan sebagai responden atau subjek.

Menurut Azizi Yahya et al pula, (2007:69), populasi merujuk kepada satu set lengkap semua kumpulan dan dalam kajian ini ia merujuk kepada satu kumpulan manusia manakala sampel pula ialah sebahagian daripada populasi yang dipilih secara rawak. Tugas utama dalam pemilihan sampel adalah memilih sampel daripada populasi yang dimaksudkan. Populasi juga merupakan satu sumber data atau maklumat yang diperolehi berkaitan penyelidikan yang dijalankan.

Jumlah keseluruhan populasi tingkatan empat dikenalpasti melalui Pengetua sekolah tersebut dan keseluruhan populasi menjadi sampel dalam kajian ini. Dalam kajian ini, penyelidik hanya melibatkan pelajar-pelajar tingkatan empat sebagai populasi kajian. Pengambilan pelajar-pelajar SMKA(P) Al-Mashoor sebagai sampel kajian adalah kerana mereka melibatkan diri dalam program-program *usrah* yang dijalankan secara aktif. Populasi ini terdiri daripada pelajar perempuan sahaja.

Instrumen Kajian

Setelah kaedah dan persampelan ditentukan, instrumen untuk mengukur dan memperolehi data pula ditentukan. Instrumen yang dipilih ini akan menentukan jenis data yang diperolehi dan sekaligus mempengaruhi jenis analisis penyelidikan Instrumen adalah alat yang digunakan untuk mengukur dan memperoleh data. Ia digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi, pandangan dan keterangan latar belakang (Mohd Najib Abd Ghaffar, 1999:40). Penyelidik telah memilih soal selidik dengan membina satu set soalan sebagai instrumen untuk kajian ini yang diedarkan kepada responden bagi mendapat maklum balas mengenai persepsi pelajar terhadap peranan *usrah* dalam membentuk peribadi pelajar.

Soal selidik merupakan suatu maklumat yang mudah untuk ditadbir sekiranya ia dibina dengan baik. Melalui kaedah ini juga, responden lebih mudah memberikan tindak balas berbanding kaedah yang lain. Maklumat yang diperolehi adalah lebih tepat. Penggunaan soal selidik ini boleh menjimatkan masa dan tenaga serta dapat mengurangkan kos perbelanjaan berbanding instrumen yang lain. Responden bebas memilih jawapan tanpa rasa segan dan bilangan responden yang ramai boleh meningkatkan kebolehpercayaan kajian. Menurut Mohd Majid Konting (2004:202), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar. Oleh itu, penyelidik menggunakan metod soal selidik sebagai instrumen kajian. Set soal selidik ini mengandungi arahan dan soalan-soalan jenis tertutup untuk

dijawab oleh semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan yang diperolehi akan dikelaskan mengikut aspek yang telah ditetapkan secara kuantitatif.

Kenyataan pada soal selidik dibuat mengikut skala positif dan negatif. Kenyataan yang bersifat berkecuali hendaklah dielakkan supaya data yang diperolehi lebih tepat. Penggunaan kaedah ini bermatlamatkan agar pandangan dan pendapat daripada responden mengenai masalah yang dikaji dapat diperolehi. Penyelidik berbincang bersama penyelia, hasil pembacaan dan rujukan terlebih dahulu sebelum menyediakan item-item soalan di dalam borang soal selidik. Pembinaan sebahagian instrumen, diambil dan diubah suai dari instrumen yang telah digunakan dalam kajian lepas oleh penyelidik lain dan sebahagian lagi dibina sendiri oleh penyelidik. Soal selidik ini telah dibincangkan bersama dengan penyelia dan telah dijalankan kajian rintis.

Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A bertujuan untuk mengumpul maklumat berkaitan latar belakang responden. Ia memerlukan responden menandakan salah satu pilihan jawapan dan soalan bebas iaitu mengisi tempat kosong. Bahagian A menggunakan senarai semak jenis skala *Thurson* yang mana soal selidik adalah berkaitan dengan profil responden. Bahagian A set soal selidik ini berkaitan dengan demografi responden yang mengandungi item untuk mendapatkan data maklumat diri responden yang merangkumi tingkatan, tempat menetap sama ada di rumah atau di asrama, tujuan belajar di sekolah agama dan bilangan adik-beradik yang belajar di sekolah agama termasuk diri mereka sendiri.

Seterusnya, bahagian B mengandungi 60 item soalan. Bahagian ini menumpukan kepada item bagi mendapatkan maklumat yang memenuhi objektif kajian untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap keberkesanan program *usrah* yang dilaksanakan di SMKA (P) Al-Mashoor, mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan pelajar cenderung atau tidak cenderung kepada program *usrah* dan mengkaji pendekatan yang lebih efektif dalam pelaksanaan aktiviti *usrah* agar program ini benar-benar dapat mencapai matlamatnya. Bahagian ini menggunakan kaedah skala *likert*, iaitu responden dikehendaki untuk menandakan jawapan mereka mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu *ekstrem* kepada *ekstrem* yang lain (Mohammad Najib Abdul Ghaffar, 1999:97). Kadangkala, pilihan jawapan “tidak pasti” atau “neutral” ditiadakan supaya responden terpaksa membuat pilihan positif atau negatif, setuju atau tidak setuju (Mohd Najib Abdul Ghaffar 2003:129).

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan, terlebih dahulu penyelidik membuat kajian rintis. Kajian rintis ialah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Menurut Mohd Najib Abd. Ghaffar (1999:42) kajian rintis dijalankan adalah untuk mengetahui nilai kebolehpercayaan serta kesahan item-item soal selidik yang dibina sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu, kajian rintis digunakan untuk mengkaji masalah yang akan timbul sewaktu proses soal selidik dijalankan. Penyelidik menjalankan kajian rintis ke atas 10 orang pelajar dari tingkatan 4 di Sekolah Menengah Agama Naim Lilbanat, Kelantan. Kajian rintis yang dibuat ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang hendak digunakan oleh penyelidik. Di samping itu, kajian rintis ini juga adalah untuk memastikan soal selidik yang diedarkan kepada sampel sebenar adalah berkualiti. Analisis daripada kajian dibuat dengan menggunakan ujian *reliability* pada program *Statistical Package for The Social Sciences* (SPSS) versi 14.0. Kebolehpercayaan item-item ditunjukkan oleh nilai *alpha cronbach* 0 hingga 1.0. Makin besar nilai pekali sesuatu item, maka semakin tinggi darjah kebolehpercayaan item tersebut. Pekali kebolehpercayaan *alpha cronbach* pada keseluruhan 60 item ini ialah 0.924. Setelah kajian rintis dijalankan, penyelidik membuat beberapa perubahan dari sudut bahasa yang digunakan agar pelajar lebih mudah memahami soalan untuk kajian yang sebenar kelak.

Perbincangan

Perbincangan Latar Belakang Responden

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar SMKA (P) Al-Mashoor dengan menggunakan kaedah persampelan ke atas keseluruhan populasi. Jumlah keseluruhan responden adalah 111 orang.

Dalam kajian ini, seramai 111 orang responden telah dipilih oleh penyelidik yang melibatkan pelajar tingkatan 4 SMKA (P) Al-Mashoor, Pulau Pinang. Pelajar tingkatan 4 Akhtar dan 4 Abrar masing-masing mempunyai jumlah yang sama iaitu 40 responden (36%). Responden dari tingkatan 4 Aqtar pula ialah seramai 31 orang (28%).

Analisis seterusnya adalah berkaitan dengan latar belakang tempat tinggal responden sama ada di rumah atau di asrama. Hampir sebahagian daripada responden tinggal di asrama dan sebahagiannya pula tinggal di rumah. Seramai 50 orang pelajar (45%) tinggal di asrama manakala seramai 61 orang (55%) tinggal di rumah. Tempat tinggal turut mempengaruhi peribadi dan sikap responden. Hal ini kerana remaja mudah terpengaruh dengan keadaan persekitarannya. Selain itu, komitmen pelajar terhadap program *usrah* juga dipengaruhi oleh tempat tinggal mereka. Hal ini kerana pelajar yang tinggal di asrama tidak mempunyai masalah untuk datang awal ke sekolah bagi mengikuti program *usrah*. Pihak sekolah menyediakan perkhidmatan bas dari asrama ke sekolah dan dari sekolah ke asrama.

Selain itu, kajian ini meninjau peratusan responden mengikut tujuan mereka belajar di sekolah agama. Tujuan belajar di sekolah agama diambil bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana kerelaan responden belajar di sekolah agama. Majoriti responden belajar di sekolah agama kerana minat mereka sendiri iaitu seramai 64 orang (57.7%). Manakala responden yang belajar di sekolah agama atas dorongan ibu bapa pula ialah seramai 38 orang (34.2%) dan diikuti oleh pelajar yang belajar di sekolah agama atas sebab lain pula ialah seramai 5 orang (4.5%). Akhirnya, hanya 4 orang (3.6%) pelajar terpaksa belajar di sekolah agama. Tujuan belajar bagi setiap responden mempengaruhi sejauhmana kesungguhan dan kerelaan mereka belajar di sekolah agama seterusnya mempengaruhi mereka sama ada cenderung atau tidak cenderung mengikuti program di sekolah.

Analisis seterusnya adalah berkaitan dengan bilangan adik-beradik responden yang belajar di sekolah agama termasuk diri mereka sendiri. Item ini dibina untuk mengetahui sejauhmana pelajar didedahkan serba sedikit tentang aktiviti *usrah* yang dijalankan di sekolah agama. Majoriti responden mempunyai bilangan adik-beradik yang belajar di sekolah agama seramai 100 orang (90.1%). Seramai 11 orang responden (9.9%) yang mempunyai bilangan adik-beradik belajar di sekolah agama yang dalam lingkungan 4-6 orang. Namun, tiada responden yang mempunyai bilangan adik-beradik 7 orang dan lebih yang belajar di sekolah agama. Faktor adik-beradik dapat mempengaruhi persepsi pelajar terhadap *usrah*. Sekiranya, responden mempunyai adik-beradik yang belajar di sekolah agama, mereka akan terdedah dengan serba sedikit tentang *usrah*, begitulah sebaliknya. Nilai kemanusiaan boleh dicapai melalui penerapan nilai Islam dalam unit keluarga, ceramah, seminar dan sebagainya.

Perbincangan Soalan Setiap Objektif

Sebanyak 60 item dibina dan dibahagikan kepada 3 pecahan iaitu setiap pecahan mengandungi 20 soalan berdasarkan objektif kajian. Pertama, item soalan yang berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap keberkesanan program *usrah* yang dilaksanakan di SMKA (P) Al-Mashoor. Kedua pula berkaitan dengan faktor-faktor yang menyebabkan pelajar cenderung atau tidak cenderung kepada program *usrah*. Pecahan yang terakhir adalah berkaitan dengan pendekatan yang lebih efektif dalam pelaksanaan aktiviti *usrah* agar program ini benar-benar dapat mencapai matlamatnya.

a) Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Program *Usrah* Yang Dilaksanakan Di SMKA (P) Al-Mashoor

Sebanyak 20 item soalan dikemukakan melalui soal selidik untuk mendapatkan maklum balas bagi objektif pertama iaitu untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap keberkesanan program *usrah* yang dilaksanakan di SMKA (P) Al-Mashoor. Berdasarkan analisis dari Bab IV pada bahagian B, hasil kajian mendapati responden mempunyai persepsi yang positif terhadap keberkesanan program *usrah*. Nilai purata min bagi keseluruhan item bahagian ini adalah 3.75.

Item pertama mencatatkan nilai min yang tertinggi bagi keseluruhan objektif yang pertama iaitu sebanyak 4.13. Secara keseluruhannya, item ini menunjukkan bahawa pelajar bersetuju dengan pernyataan aktiviti *usrah* dijalankan pada waktu yang bersesuaian. Berdasarkan item 1 jadual 4.6 iaitu tentang kesesuaian masa, seramai 30 orang responden (27.0%) sangat setuju, 71 orang responden (64.0%) setuju, 6 orang (5.4%) kurang setuju manakala 2 orang responden (1.8%) masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju. Ini bermakna hanya 10 orang sahaja yang tidak bersetuju dengan waktu *usrah* yang dijalankan di sekolah mereka. Oleh itu, majoriti responden bersetuju dengan waktu program *usrah* yang dijalankan iaitu pada pukul 7,20 pagi hingga 7,40 pagi. Aktiviti ini dijalankan secara rutin pada setiap hari. Ini selaras dengan kenyataan Tuan Fadhillah Ithnin dalam Mohd Fadzilah Kamsah et.al (2005), kekuatan kita sebenarnya memang terletak pada keupayaan diri kita sendiri bagi mengawal dengan sebaiknya. Bukti hidup kita mengendalikan hidup dengan sempurna bermula dari bangun Subuh. Tuntutan hidup kita bermula pada awal pagi. Allah S.W.T. memerintahkan kita bangun meninggalkan tempat tidur dan menunaikan suruhannya kerana pada waktu beginilah rezeki dan rahmatnya menjadi murah. Ini menunjukkan bahawa program kerohanian amat sesuai dijalankan pada awal pagi.

Dapatan kajian mendapati nilai min yang berada pada tahap sederhana ialah nilai min yang berada pada tahap sederhana daripada 20 item berkenaan adalah 3.75. Item soalan yang berada pada tahap tersebut ialah item yang ke 19. Hasil analisis mendapati 73 orang responden (65.8%) bersetuju bahawa mereka rajin mengulangkaji pelajaran di rumah termasuklah sentiasa menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru. Hal ini menunjukkan bahawa *usrah* mampu mendidik mereka menjadi seorang pelajar yang rajin menunaikan amanah sebagai seorang pelajar. Selain itu, program *usrah* dapat memotivasikan pelajar untuk mengulangkaji pelajaran di rumah termasuk menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru. Ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Umami Hamidah Jusoh (2007) dalam Siti Zaharah Hussin (2008) bahawa pelaksanaan aktiviti dakwah di sekolah berpotensi untuk mendidik pelajar menjadi orang yang berilmu, beriman, beramal serta berakhlak murni. Hal ini kerana dakwah menurut syariat Islam adalah menjurus kepada matlamat tersebut.

Hasil analisis mendapati bahawa nilai min terendah daripada objektif pertama ialah item 5 iaitu nilai minnya sebanyak 3.29. Nilai min ini berada pada tahap sederhana. Hal ini kerana kurang separuh daripada responden yang mengakui bahawa ruang tempat duduk yang disediakan adalah luas dan mencukupi untuk ahliahli *usrah*. Hasil dapatan kajian penyelidikan ini bertentangan dengan hasil dapatan kajian yang telah dibuat oleh Nazurina Hamzah (2002). Hasil dapatan kajian beliau mendapati bahawa majoriti pelajar berpuas hati dengan ruangan tempat duduk yang disediakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 1 (SMKPG1). Sebilangan besar pelajar iaitu 138 orang (90.1%) mengakui keluasan tempat *usrah* yang dijalankan dan dapat menampung ahlinya. Hanya 15 orang (9.9%) responden yang menganggap tempat *usrah* dijalankan adalah sempit dan tidak mencukupi untuk ahlinya. Secara umumnya, kesesuaian tempat program menjadi salah satu faktor keberkesanan program *usrah*. Keselesaan ahli *usrah* mempengaruhi tahap keberkesanan pelaksanaan program *usrah*. Sekiranya pelajar selesa, sudah tentu mereka dapat menumpukan seluruh perhatian kepada program *usrah* itu dan begitulah sebaliknya.

b) Faktor-faktor Yang Menyebabkan Pelajar Cenderung Atau Tidak Cenderung Kepada Program *Usrah*

Sebanyak 20 soalan telah dikemukakan melalui soal selidik untuk mendapatkan maklum balas responden berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan pelajar cenderung atau tidak cenderung kepada program *usrah*. Berdasarkan analisis yang dibuat, responden mempunyai pandangan yang positif dalam bahagian ini. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan purata min keseluruhan bagi item ini adalah 4.06 iaitu berada pada tahap tinggi.

Nilai min tertinggi bagi keseluruhan item dalam objektif kedua ini ialah item 40 iaitu nilai min sebanyak 4.40. Nilai min ini berada pada tahap tinggi. Majoriti responden mengatakan bahawa mereka perlu mengikuti aktiviti *usrah* untuk memantapkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. Hal ini menunjukkan bahawa faktor utama yang mendorong mereka cenderung terhadap program *usrah* ialah untuk memantapkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. Sebagaimana yang kita tahu, iman manusia adakalanya turun dan adakalanya naik. Oleh itu, kita perlu sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan iman. Antaranya dengan mengikuti program *usrah*. Sememangnya manusia memerlukan santapan rohani untuk memenuhi tuntutan sebagai seorang hamba. Abdul Karim Zaidan (2002:345) menegaskan bahawa Allah S.W.T. telah memberikan penghormatan kepada umat manusia untuk berkongsi memikul tugas dakwah sebagai menyambung tugas Rasulullah s.a.w. Program *usrah* yang dijalankan dapat mendekatkan diri para pelajar dengan Allah S.W.T. Menurut Mohd Nasir Jaafar (1989:10), program *usrah* dapat membina generasi pelajar yang akan menegakkan akhlak *Islamiyah* dalam diri, memantapkan pengetahuan agama dan sensitif terhadap segala yang '*Non Muslim*'.

Nilai min yang berada pada tahap sederhana bagi keseluruhan objektif kedua ini adalah 3.77 iaitu item 26. Nilai min ini berada pada tahap tinggi. Sebahagian besar daripada responden iaitu seramai 76 orang responden (68.5%) bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti *usrah* semuanya menarik minat mereka dan amat bermanfaat. Tidak hairanlah sebahagian besar responden memilih jawapan setuju bagi item ini. Hal ini kerana pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah merangka sukatan *usrah* mengikut tingkatan. Seterusnya, strategi penyampaian seharusnya berdaya menarik perhatian dan meningkatkan motivasi pelajar. Menurut Kamarudin Haji Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (2004), alat bantu mengajar dapat memudahkan pelajar membentuk konsep yang betul dan menerima pelajaran dengan cepat. Justeru, para *nuqaba* turut boleh menggunakan inisiatif pengajaran yang bersesuaian dengan zaman sekarang seperti dengan mengaplikasikan penggunaan komputer dalam menyampaikan mesej dakwah kepada ahli-ahlinya. Telah menjadi lumrah bahawa para pelajar lebih berminat kepada perkara yang boleh menarik perhatian mereka.

Dapatan nilai min terendah keseluruhan pula ialah item 36. Nilai min item 36 ini ialah 3.10 tetapi masih berada pada tahap sederhana. Terdapat 39 orang responden (35.1%) bersetuju bahawa mereka berpeluang untuk lebih kerap merujuk ketua *usrah* mengenai sesuatu permasalahan peribadi berbanding hanya berdiam diri. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa ahli *usrah* tidak cenderung mengikuti *usrah* kerana mereka berpeluang untuk lebih kerap merujuk ketua *usrah* mengenai sesuatu permasalahan peribadi. Hal ini mungkin disebabkan oleh naqibah juga sibuk dengan tanggungjawabnya dan belum lagi berpengalaman dalam mengendalikannya. Ini selari dengan pendapat Ya'qub Muhammad Hussin (2008:77), pengabaian oleh sebahagian *naqib* dalam hal ini boleh menyebabkan anggota-anggota gugur dari *usrah* atau jamaah atau merenggangkan *ukhuwah*, tidak berpuas hati, keliru, kecewa, marah, tawar hati dan hilang keyakinan kepada *harakah* atau *jamaah*.

c) Pendekatan Yang Lebih Efektif Dalam Pelaksanaan Aktiviti *Usrah* Agar Program Ini Benar-Benar Dapat Mencapai Matlamatnya

Sebanyak 20 soalan dikemukakan pada bahagian ini untuk mengenalpasti pendekatan yang lebih efektif dalam pelaksanaan aktiviti *usrah* agar program ini benar-benar dapat mencapai matlamatnya. Analisis kesemua 20 item ini menunjukkan nilai min berada pada tahap tinggi. Nilai min purata bagi keseluruhan item ini ialah 4.22 iaitu pada tahap yang tinggi.

Berdasarkan analisis yang dibuat, nilai min tertinggi daripada keseluruhan 20 item berkenaan adalah 4.41 iaitu pada item 51. Nilai min ini berada pada tahap tinggi. 91.0% responden bersetuju bahawa ketua *usrah* perlu meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. yang merupakan kunci utama dalam menjalankan urusan *fi sabillillah*. Kebanyakan responden bersetuju dengan item ini. Menurut Abu 'Urwah dalam karyanya berjudul Risalah *Usrah* (Jilid3, 1988:22), pemimpin perlulah memimpin ahli-ahlinya supaya dapat menggerakkan jemaah ke arah jalan yang telah digariskan oleh manhaj nabawi serta mampu mengekalkan ahli-ahli untuk terus beristiqamah memperjuangkan risalah Islam. Pemimpin yang dimaksudkan di sini termasuklah para naqibah. Para naqibah yang mempunyai ciri seperti ini akan berusaha menjalankan kewajibannya sebaik mungkin dan seterusnya menjadi model kepada ahlinya. Dalam mengerjakan kerja dakwah, perkara inilah yang paling penting sebagai menguatkan kekuatan dalaman supaya jiwa menjadi kental. Seterusnya, jalan dakwah dapat dilaksanakan dengan baik.

Hasil daripada analisis, nilai min yang berada pada tahap sederhana keseluruhan pula adalah pada item 56 iaitu 4.23. Namun, nilai min ini masih berada pada tahap tinggi. Seramai 102 orang responden (91.9%) bersetuju bahawa semua ahli *usrah* perlu sentiasa kenal-mengenal antara satu sama lain dan mewujudkan suasana kasih sayang sesama mereka dengan roh Allah S.W.T. Sememangnya, setiap muslim itu perlu saling kenal-mengenal. Ini bertepatan dengan rukun *usrah* yang telah digariskan oleh Imam Hasan al-Banna. Berpandukan pendapat Hasan al-Banna (2003:543), taaruf adalah rukun *usrah* yang pertama. Taaruf ialah berkenalan sesama anggota dengan bertukar-tukar maklumat peribadi seperti nama, pekerjaan, umur, latar belakang pendidikan, latar belakang keluarga, tempat tinggal, pengalaman yang dilalui selama ini dan sebagainya sehingga setiap orang merasakan bahawa setiap anggota adalah sebahagian dari dirinya. Setiap ahli *usrah* perlu menghayati nilai persaudaraan yang sebenar dan ideal sesama insan, Berkenalan secara mendalam antara naqib dan ahli *usrah* perlu dilakukan secara berterusan atas kesedaran berkasih sayang semata-mata kerana Allah S.W.T. Apabila pengenalan telah berputik, maka ia akan menghasilkan buah yang baik dalam pergaulan. Hal ini boleh dicapai dengan kepelbagaian aktiviti *usrah* yang dapat mengeratkan hubungan di kalangan ahli *usrah*. Dengan inilah, mereka berpeluang untuk saling kenal-mengenal.

Dapatan kajian mencatatkan nilai min terendah keseluruhan bagi objektif ini pula adalah item 60 iaitu 3.92. Namun, nilai min ini tetap berada pada tahap yang tinggi. Hal ini kerana sebanyak (77.5%) bersetuju mengakui bahawa setiap ahli *usrah* hendaklah sentiasa membenteng masalah masing-masing dan saudara *usrah* yang lain perlu memberi perhatian terhadap masalah yang diluahkan oleh saudara mereka serta berusaha mengatasinya. Setiap masalah perlulah dikongsi bersama kerana muslim itu ibarat bangunan dan ibarat satu badan. Hak setiap muslim perlulah ditunaikan. Selain itu, perlulah menyayangi saudara sesama Islam sebagaimana kita menyayangi diri kita sendiri. Menurut Humaidi Tatapangsara (1983:125) hubungan persaudaraan ini mestilah suci iaitu tidak menyakiti saudaranya. Amalan ini akan melahirkan hubungan yang harmoni dan masyarakat yang berakhlak seterusnya membentuk masyarakat yang berdisiplin.

Rumusan

Hasil dapatan yang diperolehi jelas menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap keberkesanan program *usrah* yang dilaksanakan adalah tinggi. Hal ini dapat dilihat pada min keseluruhan bahagian iaitu

3.75. Namun, terdapat responden yang tidak mempunyai pandangan yang positif terhadap *usrah*. Pada pandangan penyelidik, perkara ini berlaku kerana masih terdapat responden yang kurang kesedaran tentang betapa pentingnya peranan *usrah* itu sendiri terhadap umat Islam sehinggakan Rasulullah s.a.w. sering mengamalkan program *usrah* pada zaman awal kerasulannya.

Rumusan kajian juga menggambarkan persepsi pelajar terhadap keberkesanan program *usrah* yang dilaksanakan di SMKA (P) Al-Mashoor. Secara umumnya, masih terdapat responden yang merasakan bahawa pengisian *usrah* kurang menarik minat dan perhatian serta kurang menambat hati mereka. Suasana program *usrah* yang dijalankan juga adalah kurang selesa bagi sebilangan responden. Hal ini kerana, sekolah ini terletak di kawasan bandar dan berdekatan dengan jalan raya yang menyebabkan mereka tidak dapat lari dari hiruk-pikuk kota. Responden juga merasakan tempat yang dijalankan aktiviti *usrah* adalah kurang sesuai dan tidak menarik. Di samping itu, ruang tempat duduk yang disediakan tidak mencukupi dan tidak selesa. Responden juga merasakan bahawa terdapat di kalangan *naqibah* yang kurang kelayakan yang diperlukan dalam memenuhi criteria seorang *naqibah*. Responden berpendapat bahawa ketua *usrah* tidak menggunakan kaedah penyampaian yang menarik minat dan berkesan. Terdapat responden yang berpendapat bahawa *naqibah* kurang menjalinkan hubungan mesra dengan mereka. Selain itu, *naqibah* juga mempunyai suara yang kurang jelas untuk didengari. Di samping itu, ada kalanya ketua *usrah* yang terlewat memulakan program kerana ada beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.

Hasil dapatan kajian seterusnya menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap faktor-faktor yang menyebabkan pelajar cenderung atau tidak cenderung kepada program *usrah*. Hal ini berdasarkan kepada nilai keseluruhan min yang diperolehi iaitu 4.06. Nilai min bagi bahagian ini adalah berada pada tahap yang tinggi. Item bagi bahagian ini mengandungi faktor dalaman dan faktor luaran. Terdapat faktor dalaman yang menyebabkan pelajar cenderung untuk mengikuti program *usrah*. Antaranya ialah seperti item-item berikut:

- a) Saya perlu mengikuti aktiviti *usrah* untuk memantapkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T.
- b) Aktiviti *usrah* merupakan salah satu jalan dakwah.
- c) Aktiviti *usrah* membantu saya meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan agama Islam dan isu-isu semasa.
- d) Saya mempunyai kesedaran untuk mempertingkatkan amal.
- e) Aktiviti-aktiviti *usrah* semuanya menarik minat saya dan amat bermanfaat.
- f) Saya mempunyai minat yang mendalam untuk menyertai program *usrah*.

Antara faktor luarannya pula adalah seperti dari sudut pengisian program *usrah*, *naqibah*, ibu bapa dan sahabat seperjuangan. *Usrah* itu sendiri mempunyai ciri-ciri yang dapat mendorong kecenderungan mereka terhadap *usrah*. Selain itu, ibu bapa juga menjadi faktor yang menyebabkan para pelajar cenderung untuk mengikuti program *usrah*. Faktor rakan sebaya juga dapat mendorong kecenderungan pelajar ke arah *usrah*. Perkara ini berlaku kerana program *usrah* dijalankan di kalangan pelajar dari pelbagai tingkatan dan kelas. Faktor luaran yang dimaksudkan adalah seperti yang terdapat dalam item berikut:

- a) Kedua ibu bapa / penjaga saya memberi keizinan untuk mengikuti *usrah*.
- b) Saya mendapat galakan daripada kedua ibu bapa / penjaga untuk menghadiri *usrah*.
- b) Aktiviti *usrah* dijalankan pada waktu yang khusus dan tidak mengganggu jadual belajar saya.
- d) Hubungan saya bertambah baik dan erat dengan sahabat sepanjang *usrah*.
- e) Kenalan saya bertambah selepas mengikuti program *usrah*.
- f) *Usrah* berkonsepkan program keluarga angkat.
- g) Saya berpeluang mengikuti aktiviti sukan berlandaskan syariat.

- h) Metodologi dakwah yang diamalkan semasa program *usrah* dijalankan sangat efektif antaranya ialah metod nasihat, kuliah dan kaunseling.
- i) Saya dapat mengikuti program *rehlah* dengan rakan-rakan.
- j) Saya berpeluang mengikuti perbincangan tentang sesuatu permasalahan agama dengan ahli-ahli *usrah*.
- k) Ibu bapa / penjaga bersedia membantu saya sekiranya menghadapi masalah pengangkutan untuk menghadiri program *usrah*.
- l) “*Qudwah Hasanah*” iaitu metod hubungan sentiasa diamalkan dan diterapkan dalam diri ahli-ahli *usrah*.
- m) Saya dan ahli-ahli *usrah* yang lain sering nasihat-menasihati antara satu sama lain.
- n) Saya berpeluang untuk lebih kerap merujuk ketua *usrah* mengenai sesuatu permasalahan peribadi berbanding hanya berdiam diri.

Pendekatan yang lebih efektif dalam pelaksanaan aktiviti *usrah* adalah perlu agar program ini benar-benar dapat mencapai matlamatnya. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pendekatan yang paling efektif dan menjamin keberkesanan *usrah* ialah dengan adanya ketua *usrah* yang sentiasa meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. Ini merupakan kunci utama dalam menjalankan urusan *fi sabillillah*. Ketua *usrah* memainkan peranan yang amat penting kerana mereka merupakan nadi penggerak setiap *usrah* dan *harakah*.

Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pendekatan yang seterusnya disenaraikan seperti berikut megikut keutamaan:

- a) Pendekatan aktiviti *usrah* haruslah dipelbagaikan supaya lebih menarik.
- b) Ketua *usrah* perlu bijak dalam menyampaikan mesej supaya mudah diterima dan difahami.
- c) Ketua *usrah* perlu memiliki kemahiran dalam menarik perhatian dan minat ahli-ahlinya.
- d) Ketua *usrah* perlu memiliki pengetahuan asas dalam mengendalikan *usrah*.
- e) Ketua *usrah* perlu bijak dalam mengatur strategi pelaksanaan *usrah* supaya dapat mempertingkatkan mutu *usrah*.
- f) Aktiviti *usrah* perlulah menitikberatkan informasi yang jelas untuk disampaikan kepada ahli-ahlinya.
- g) Ketua *usrah* perlu mendalami suasana, kehendak dan arah tuju masyarakat dalam mengendalikan *usrah* supaya bersesuaian dengan ahli-ahlinya.
- h) Ketua *usrah* perlu mengikuti kursus-kursus yang berkaitan sebagai melengkapkan dirinya dengan pelbagai ilmu dalam menyampaikan mesej kepada ahli-ahlinya.
- i) Ketua *usrah* perlu mengetahui keseluruhan aspek dalam agama untuk menggerakkan aktiviti *usrah*.
- j) Semua ahli *usrah* perlu sentiasa kenal-mengenal antara satu sama lain dan mewujudkan suasana kasih sayang sesama mereka dengan roh Allah S.W.T.
- k) Setiap ahli *usrah* perlu menghayati nilai persaudaraan yang sebenar dan berusaha sedaya upaya untuk tidak melakukan sesuatu yang boleh mengeruhkan hubungan antara satu sama lain.
- l) Aktiviti *usrah* perlulah dijalankan di tempat yang dikhaskan.
- m) Setiap ahli *usrah* perlu menunaikan tanggungjawab dan kewajipan terhadap saudara mereka dengan menghulurkan bantuan apabila diperlukan.
- n) Penglibatan semua pihak dapat menjamin keberkesanan program *usrah*.
- o) Aktiviti *usrah* perlu dijalankan pada waktu yang sesuai dan jangkamasa yang lebih mencukupi secara optimum serta efektif.
- p) Anggota *usrah* perlu mengadakan penelitian terhadap sesuatu kitab yang bermutu dan sentiasa berkongsi ilmu berdasarkan pembacaannya.
- q) Pengaplikasian penggunaan teknologi maklumat (IT) dalam menyampaikan mesej perlu dalam menjalankan program *usrah*.

- r) Program *usrah* memerlukan kesatuan antara organisasi dakwah seperti ABIM, JIM, MACMA dan pertubuhan-pertubuhan dakwah yang lain.
- s) Setiap ahli *usrah* hendaklah sentiasa membentangi masalah masing-masing dan saudara *usrah* yang lain perlu memberi perhatian terhadap masalah yang diluahkan oleh saudara mereka serta berusaha mengatasinya.

Rujukan

- Abdul Aziz Mohd Zain. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Haji Don dan Shamsul Bahri Andi Galigo. (1998). *Dakwah Menjana Masyarakat Madani*. Selangor : UKM.
- Abdul Hadi Awang. (1986). *Uslub Dakwah*. Kuala Lumpur : Percetakan Berpadu Sdn Bhd.
- Abdul Halim El-Muhammady. (1992). *Dinamika Dakwah Suatu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*. Selangor : Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Abdul Hamid Othman. (2000). *Islam Perjuangan Dan Harapan*. Selangor:Yayasan Pendidikan Islam Malaysia.
- Abdullah Hassan. (2001). *Komunikasi Untuk Bakal Pendakwah*. Kuala Lumpur : PTS Publication & Distributors Sdb Bhd.
- Abdurrahman al-Baghdadi. (2002). *Menghayati Dakwah Rasulullah di era Globalisasi*. Kuala Lumpur : Serambi Timur Sdn Bhd.
- Al-Zalur Rahman. (1992). *Ensiklopedia Sirah, Sunnah, Dakwah dan Islam*. Penterjemah Zaharah Salleh. Dewan Bahasa & Pustaka, Jilid 1.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan : Teori, Analisis & Interpretasi Data*. PTS Publishing Sdn Bhd.
- Berhanuddin Abdullah, Ideris Endot dan Siti Rugayah Tibek (1996). *Pendekatan Dakwah di Kalangan Remaja Bermasalah : Kajian Kes di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti Melaka (Penyelidikan)*. Bangi:Fakulti Pengajian Islam, UKM.